

SESI KUNJUNGAN HORMAT KPKM KE KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI BERKAITAN PROGRAM INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT (PINTAR)



PUTRAJAYA, 6 Januari 2025 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengadakan sesi kunjungan hormat ke Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi membincangkan kerjasama untuk Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR). Sesi ini berlangsung di Bilik Mesyuarat TKSU(D), Aras 16, KPT pada jam 3.00 petang.

Kunjungan ini diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPKM, Datuk Badrul Hisham bin Mohd, bersama pegawai-pegawai kanan kementerian. Sesi ini bertujuan untuk memperkukuh kerjasama antara KPKM dan KPT dalam memperkasa keterjaminan agromakanan negara melalui inovasi dan penyelidikan yang dijalankan oleh institusi pengajian tinggi.

Sepanjang sesi perbincangan, pelbagai isu strategik berkaitan keterjaminan makanan telah dibincangkan, termasuk usaha meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam sektor agromakanan, pemindahan teknologi kepada petani dan usahawan tani, serta pelaksanaan program kolaboratif antara kedua-dua kementerian.

PINTAR merupakan inisiatif penting dalam memperkukuh rantai bekalan makanan negara dengan memanfaatkan teknologi dan inovasi yang dibangunkan oleh universiti serta institusi penyelidikan. Penglibatan institusi pendidikan tinggi adalah kunci dalam memastikan kelestarian sektor agromakanan bagi jangka panjang.

Sesi ini turut memberi ruang kepada wakil-wakil daripada KPT untuk berkongsi pandangan dan cadangan dalam meningkatkan keberkesanan program ini. Hasil daripada perbincangan ini, kedua-dua kementerian bersetuju untuk memperhebatkan kerjasama dalam mempercepatkan pelaksanaan program-program berkaitan keterjaminan makanan yang memanfaatkan rakyat.